

Pemupukan Minat Terhadap Jawi Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah
(Fostering Interests in Jawi Among Primary School Students)

MOHD EEZAN HAMDZAH* & SHAHLAN SURAT

ABSTRAK

Sejak kebelakangan ini, isu berkaitan tulisan Jawi seringkali menjadi hangat dalam media sosial. Pelbagai isu yang dibangkitkan melibatkan ketidaksetujuan silibus pelajaran Jawi di ajar dalam subjek Bahasa Melayu. Dikotomi yang wujud bukan hanya di kalangan masyarakat bukan Melayu malah segelintir masyarakat Melayu. Pada jangkakan mereka penguasaan Jawi seolah tidak relevan pada masa kini disebabkan arus peredaran zaman yang lebih kepada penggunaan tulisan rumi sebagai norma biasa. Sikap yang meremehkan seni warisan Jawi ini hanya bakal memalapkan khazanah yang perlu dipelihara untuk generasi akan datang disebabkan kurang rasa kepentingan terhadap tulisan Jawi. Justeru, artikel konseptual ini membincangkan sejarah tulisan Jawi yang membawa kepada usaha yang perlu dilaksanakan untuk mengekalkan seni warisan ini. Selain itu, artikel ini juga membincangkan cabaran yang dihadapi dalam usaha pemeliharaan tulisan Jawi termasuk mencetus idea untuk pelajar minat kepada Jawi dengan rangsangan positif dari penglibatan ibu bapa ke arah usaha membentuk bangsa celik Jawi.

Kata Kunci: Minat, Tulisan Jawi

ABSTRACT

Recently, issue related Jawi writing had often become the hot issue over social media. Various issues raised involves disagreements. The dichotomy that exists not only among the non-malays but even a handful of Malay society. In their expectation, Jawi mastery seems to be irrelevant nowadays due to the passage of time over the use of rumi writing as a normal norm. This attitude that belittles the art of Jawi heritage will only cause the precious knowledge that need to be preserved to be dim for future generations due to lack of sense of importance towards Jawi writing. Therefore, this conceptual article discusses the history of Jawi writing that leads to the efforts that need to be implemented to preserve this heritage art. In addition, this article also discusses the challenges faced in the effort to preserve Jawi writing, including triggering ideas for students interested in Jawi with a positive stimulus from parental involvement towards efforts to form a Jawi literate nation.

Keywords: Interest, Jawi Writing

PENGENALAN

Kehidupan masyarakat Melayu dengan tulisan Jawi amat sinonim kerana tulisan ini boleh dikatakan sebagai sebahagian identiti orang Melayu yang berusia lebih dari 700 tahun dahulu (Faisal & Niswa, 2009). Ramai juga terkeliru antara tulisan Jawi dan tulisan bahasa Arab dan dianggap sama. Hal ini tidak benar sama sekali. Tulisan Jawi hanyalah menggunakan huruf-huruf Arab dengan penambahan beberapa huruf lain malah sebutan dan ejaannya adalah menggunakan konotasi bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, setelah diperkenalkan tulisan Rumi selepas penjajahan dari negara barat sedikit sebanyak telah mengurangkan pengaruh tulisan Jawi.

Menurut Zainal Abidin Ahmad (2000) dalam Siti Badriyah (2015) menyatakan setelah kedatangan Islam pada awal kurun ke 14 yang telah membawa pengaruh agama Islam kepada masyarakat ketika itu, ia juga telah menjadikan tulisan-tulisan Arab digunakan untuk menulis bahasa Melayu. Menerusi penemuan Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh dianggarkan pada abad ke 14, membuktikan Islam telah sampai ke tanah Melayu secara tidak langsung tulisan Jawi telah digunakan ketika itu (Adi Yasran, 2012). Tulisan Jawi ini juga pada awal kemunculannya bertujuan untuk kegunaan peribadi dan hanyalah diguna pakai oleh individu, organisasi atau badan-badan tertentu malah bukan digunakan oleh masyarakat umum.

Selain itu, kitab dan buku juga ditulis menggunakan tulisan Jawi. Bustan al-Katibin yang ditulis oleh Raja Haji Ali adalah antara manuskrip terawal yang menggunakan tulisan Jawi (Faisal, 2014). Faisal (2014) juga menyatakan Raja Haji Ali merupakan pelopor awal mengenai sistem ejaan Jawi walaupun sistem ejaan yang diperkenalkan tidak tersebar dan digunakan secara meluas. Setelah itu, sistem ejaan Jawi ini sentiasa mengalami evolusi dengan tercetusnya beberapa pendekatan terbaru. Setiap pendekatan sistem ejaan mempunyai ciri kelebihan masing-masing walaupun masih banyak kekurangan dan kelemahan. Selaras dengan perkembangan bahasa Melayu kelemahan dan kekurangan tersebut sentiasa diperbaiki bagi memudahkan penggunaannya secara umum. Secara ringkasnya, sistem ejaan tulisan Jawi yang pernah wujud ialah (Faisal, 2014):

- i. Sistem Ejaan Jawi Pakatan
- ii. Sistem Ejaan Jawi Za'aba
- iii. Sistem Ejaan Jawi Dian
- iv. Sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan

Dengan inisiatif yang dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah memperkenalkan ejaan tulisan Jawi yang lebih bersistematik, teratur

dan menyeluruh iaitu Sistem Ejaan Jawi yang disempurnakan. Usaha DBP ini dapat memurnikan dan melestarikan lagi pendekatan tulisan Jawi bagi memenuhi keperluan semasa. Usaha tersebut masih lagi berjalan sehingga hari ini untuk memelihara warisan ini. Walau bagaimanapun usaha ini berkemungkinan menjadi sia-sia sekiranya generasi muda tidak merasai kepentingan dan minat terhadap tulisan Jawi. Tulisan Jawi akan menjadi terus dipinggirkan jika tidak dipelihara dan diwariskan kepada generasi muda seterusnya mungkin akan pupus suatu hari nanti.

CETUSAN MINAT JAWI

Minat merujuk kepada perbezaan karektor individu yang mempengaruhi tingkah laku dan aktiviti yang menarik perhatian, memuaskan dan menyeronokkan. Minat merupakan perasaan yang menyenangkan yang berkait rapat dengan sesuatu aktiviti ataupun perkara yang mendorong subjektif satu individu untuk melaksanakan suatu tugas atau aktiviti. Minat juga dapat memberikan kenikmatan dan kepuasan kepada individu tersebut. Secara tidak langsung, minat yang terbentuk juga akan menyebabkan tercetusnya perasaan ingin tahu dan keinginan untuk melalui kesukaran ketika melaksanakan sesuatu tugas yang dikehendakinya. Maka, perubahan tingkah laku yang bersifat pemerhatian dan penumpuan juga oleh seseorang yang telah mempunyai minat dengan kehadiran objek atau tugas yang diminatinya.

Menurut Mappier (1982) menjelaskan minat adalah kategori mental yang terdiri daripada variasi beberapa aspek perasaan, harapan, pendidikan atau rasa takut. Variasi ini akan membentuk kecenderungan individu untuk melakukan suatu pilihan tertentu. Manakala Sardiman (2007) pula menyatakan minat adalah suatu keadaan yang berlaku apabila seseorang melihat sesuatu objek yang dihubungkan dengan keinginan sendiri. Oleh sebab itu, apa sahaja dilihat dan mempunyai kepentingan pada diri individu itu akan mencetuskan kondisi minat. Hal ini menunjukkan bahawa minat merupakan dorongan jiwa terhadap sesuatu kebiasaannya disertai dengan rasa keterujaan dan seronok.

Minat ini timbul bukan secara spontan, tetapi wujud akibat penglibatan, pengalaman dan ketika melakukan aktiviti (Bernard, 2007). Oleh itu, minat adalah soal yang berkaitan dengan keperluan dan keinginan individu. Lowman (2003) menjelaskan minat adalah psikologi karakteristik yang dapat dikenalpasti melalui penilaian peribadi (ciri kebaikan atau keburukan, tahap kesesuaian atau tidak kesesuaian)

ketika pelaksanaan tugas dan aktiviti. Menurut Hansen (1995) pula menyatakan minat sebagai suatu yang mempunyai hubungan dengan personaliti, motivasi, ekspresi, faktor genetik dan faktor luaran. Setiap hubungan faktor ini saling berkaitan dalam membentuk minat individu melakukan sesuatu aktiviti atau tugas.

Minat juga merupakan kerangka teoritikal utama dalam kajian ini dan akan dibincangkan secara lebih teliti dan mendalam. Fredrickson (1998) dalam Silvia (2006) menyatakan minat adalah emosi positif. Walau bagaimanapun, Reningger dan Hidi (2011), menyatakan minat bukanlah emosi tetapi perasaan dan kesan (afek). Pembentukan minat adalah kompleks berdasarkan individu kerana manusia berbeza pada tahap dan kestabilan minat disebabkan oleh minat yang boleh berubah-ubah (Hagay et. al, 2013) mengikut kesesuaian dan adaptasi situasi individu.

Selain itu, minat juga ditentukan oleh pengalaman individu dan pengetahuan awal. Tahap minat individu itu boleh jadi sangat mendalam ataupun terbatas bergantung kepada minat atau gambaran awal. Malah ia juga (minat) berkembang dalam jangka masa tertentu (Harackiewicz et. al, 2008). Menurut Hagay et. al (2013), terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada perkembangan minat ini iaitu rangsangan persekitaran, budaya dan juga bahasa.

Tin (2013) mengatakan minat merupakan suatu yang memberi dorongan untuk memotivasi individu dalam mengatasi kekangan dan rintangan ketika melakukan sesuatu aktiviti atau tugas dalam pembelajaran. Secara tidak langsung mampu mengembangkan pengetahuan yang sedia ada. Oleh itu, adalah sangat bersesuaian untuk memahami dengan lebih mendalam berkenaan dengan perkembangan minat. Justeru, perkembangan minat ini merupakan platform untuk lebih meraikan perkembangan ilmu dan pengetahuan.

Four phase model – pembentukan minat telah diperkenalkan oleh Hidi dan Renninger (2006) merupakan kesinambungan daripada *three phase model* yang dicadangkan oleh Krapp (2002). *Four phase model* – pembentukan minat ini mengandungi empat fasa iaitu (a) fasa satu – *triggered situational interest*, (b) fasa dua – *maintained situational interest*, (c) fasa tiga – *emerging individual interest* dan (d) fasa empat – *well developed interest*.

Justeru, dari beberapa definisi dan konsep yang dibincangkan di atas menunjukkan bahawa minat merupakan dorongan dalam diri individu yang menyebabkan keterujaan melakukan atau melaksanakan suatu aktiviti. Dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti itu akan mendatangkan rasa kepuasan

dan keseronokan dalam jiwa individu tersebut. Jika kepuasan dan keseronokan itu bertambah maka minat yang hadir dalam diri individu itu akan lebih mendalam dan begitulah sebaliknya. Minat berperanan secara efektif dalam membuat keputusan yang jitu. Secara konseptualnya, minat berperanan penting dalam membentuk hala tuju dan pola pemikiran individu dalam pelaksanaan tugas dan aktiviti.

Setiap individu agak selektif terhadap minatnya. Sebagaimana dinyatakan oleh William James (1980), tanpa minat yang spesifik, individu akan berada dalam keadaan yang membosankan, tidak teratur malah membosankan. Minat akan memberi kefahaman dari segi pelbagai perspektif dalam mendepani dunia. Oleh hal demikian, timbulnya minat seseorang individu itu disebabkan oleh beberapa faktor penting seperti rasa teruja, rasa tertarik atau kepuasan individu, atas faktor perhatian dan keperluan. Maka hubungan yang berkaitan penelitian minat pelajar terhadap penguasaan Jawi tidak dapat diketahui atau diukur secara langsung tetapi perlu menggunakan kaedah-kaedah atau unsur-unsur yang dapat digunakan untuk mengungkap minat individu terhadap sesuatu.

Berdasarkan huraian di atas dapatlah disimpulkan bahawa minat pelajar terhadap penguasaan Jawi adalah penglibatan individu dengan setiap aktiviti dan tugas yang dilakukan. Pelaksanaan aktiviti itu dilakukan dengan penuh perhatian dan penumpuan dalam keadaan yang menarik dan memberi keseronokan untuk memperoleh pengetahuan dan mencapai pemahaman tentang pelajaran Jawi yang dipelajari melalui latihan dan pengalaman. Pelajar dapat memahami apa yang dipelajari bukan sekadar pelajaran di sekolah atau semata-mata belajar sebagai subjek perlu dipelajari tetapi kefahaman yang lebih holistik termasuk dari segi penghayatan seni sejarah dan warisan yang harus dipelihara.

CABARAN MEMUPUK CINTA JAWI

Tulisan Jawi merupakan sistem penulisan yang amat sinonim dengan masyarakat Melayu pra-kemerdekaan lagi. Tulisan ini juga menjadi milik dan beridentiti orang Melayu dalam pembentukan tamadun bangsa dan perannya khusus mengembangkan bidang ilmu pengetahuan dan keintelektualan (Asyraf Ridwan & Berhanundin, 2015). Namun tulisan ini semakin kurang diminati oleh rakyat Malaysia secara umumnya dan generasi pelajar khususnya. Sikap yang negatif terhadap pelajaran Jawi kerana sukar dipelajari malah dirasakan tidak penting kerana tidak dinilai dalam peperiksaan (Nik Rosila, 2007). Menurut Dicken Kilue (2017)

dalam kajian Awang (2012), menyatakan anggapan kebanyakan ibu bapa kini terhadap mata pelajaran bukan peperiksaan seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah tidak penting secara tidak langsung mereka kurang mengambil cakna hasil pengajaran guru. Pandangan naif sebegini sebenarnya mempengaruhi persepsi pelajar dan merendahkan motivasi pelajar lebih-lebih lagi untuk memperkasakan kemahiran Jawi termasuklah bagi pelajar sekolah rendah.

Penggunaan tulisan Rumi dalam bahasa Melayu juga telah menyebabkan tulisan Jawi mula dipinggirkan. Hal ini berlaku disebabkan penggunaan tulisan Rumi telah mengambil alih peranan tulisan Jawi dari semua aspek seperti hal berkaitan pentadbiran dan sebagainya. Peredaran masa dan perubahan dasar pendidikan pasca kemerdekaan yang diputuskan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 menjadikan tulisan Jawi seakan dipinggirkan penggunaannya pada zaman sekarang (Naquiah Nahar, 2016). Pelajar juga merasakan tulisan Jawi sukar dipelajari kerana pengajaran dan pembelajaran guru kurang berkesan dan tidak dapat menarik minat mereka. Pembelajaran secara monotonus oleh guru juga gagal menimbulkan minat ke atas tulisan Jawi (Hairul Aysa, 2010). Dalam proses pengendalian pengajaran dan pembelajaran Jawi, metodologi yang digunakan oleh guru adalah amat penting bagi merangsang kebolehan pelajar untuk berjaya dan meminati mata pelajaran tersebut. Terdapat penyelidikan mendapati bahawa murid lemah dalam mata pelajaran dipelajari adalah disebabkan faktor pengajaran dan pembelajaran guru kurang memberangsangkan untuk menarik minat pelajar (Nur Syamira et al. 2017; Noor Asmina et al. 2019). Oleh itu, seseorang guru harus mempunyai pendekatan yang pelbagai supaya dapat merangsang minat murid seronok belajar dan mengaplikasikan ilmu. Hal ini secara tidak langsung dapat memartabatkan murid menguasai Jawi dengan lebih baik.

Setiap ilmu dan pengetahuan yang diajar di dalam kelas memerlukan minat murid untuk menjadikan pengajaran lebih berkesan termasuk ilmu kemahiran Jawi. Kesesuaian sesuatu kaedah mampu menjadikan kanak-kanak lebih berminat untuk belajar membaca dan mereka dapat belajar dengan mudah dan berkesan (Sharipah Amalhayaty Syed Ahmad, 2015). Selain itu, pelajar juga keliru dengan pengkaedahan Jawi moden dan Jawi tradisional. Mereka merasakan tulisan Jawi lebih rumit dan konservatif berbanding tulisan Rumi dan hanya digunakan dalam bidang agama Islam sahaja (Hazlan, 2019). Kepentingan penggunaan tulisan Jawi yang sedikit dalam industri juga menyebabkan ia kurang mendapat sambutan. Pertembungan antara tulisan Jawi dalam bahasa Melayu atau agama juga masih lagi tidak

jasas. Masyarakat sering kali keliru antara tulisan Jawi dengan bahasa Arab dalam kitab suci Al Quran agama Islam (Noor Asmina et al. 2019). Salah faham bahawa tulisan Jawi adalah cubaan Islamisasi tetapi sebenarnya seni tulisan Jawi adalah salah satu daripada elemen bahasa Melayu menyebabkan segelintir masyarakat bukan beragama Islam menolak tulisan Jawi (MyMetro, 2020)

Hashim Musa (2007) melalui Hazlan (2019) menyatakan Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewajibkan pelajaran Jawi di ajar di sekolah rendah agama pada tahun 1985. Langkah meletakkan pelajaran Jawi dalam silibus ketika itu diambil sebagai salah satu usaha mempertahankan tulisan ini dari terus dipinggirkan. Kemudian, pada tahun 1992 pula Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan pelajaran Jawi di sekolah rendah kebangsaan dimasukkan dalam silibus KBSR yang hanya diajar dalam subjek Pendidikan Islam. Selain itu, program J-Qaf juga mula dilaksanakan pada tahun 2004. Siddiq Fadzil dalam kajian Siti Zaharah (2018) juga menyatakan bahawa program yang dilaksanakan seperti program J-Qaf ini merupakan pendekatan dalam usaha mempertahankan tulisan Jawi daripada terus merosot. Usaha-usaha yang dilakukan untuk melahirkan generasi celik Jawi tidak menampakkan kesan ataupun hasil yang memberangsangkan.

Pada tahun 2015 model Kelas Pemulihan Jawi telah dihentikan dengan menyerapkan guru-guru J-Qaf menjadi guru Pendidikan Islam (Asyraf Ridwan & Berhanundin, 2015). Oleh sebab itu, tugas guru tidak dapat berfokus untuk memulihkan pelajar yang buta Jawi secara tidak langsung pelajar yang seharusnya memerlukan lebih perhatian akan terus ketinggalan dalam penguasaan Jawi. Walaupun model Kelas Pemulihan Jawi telah digantikan dengan Kem Celik Jawi tetapi masih tidak dapat meningkatkan minat pelajar disebabkan kaedah pelaksanaan kem diluar waktu sekolah tidak mendapat sokongan ibu bapa yang menyeluruh. Kamaruddin (2010) menyatakan komitmen ibu bapa sangat diperlukan dalam memenuhi penguasaan dan peningkatan pelajaran Jawi dikalangan anak-anak. Selain itu, isu penguasaan dan pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan juga merupakan fenomena yang sering diperkatakan termasuk dalam pelajaran Jawi. Menurut Hanita Mohd Yusuf (2018) dalam kajiannya menyatakan terdapat perbezaan pencapaian antara gender. Pelajar perempuan menunjukkan pencapaian yang lebih baik berbanding pelajar lelaki. Jurang perbezaan ini perlu diambil cakna bagi mengukuhkan kesediaan pelajar terhadap akademik terutama pelajaran Jawi.

Seni tulisan Jawi ini merupakan suatu khazanah

negara yang perlu dipelihara dan dimartabatkan sebagai warisan budaya bangsa. Pemerksaan tulisan Jawi ini haruslah dimulakan oleh individu yang mempunyai kecenderungan minat mendalam seterusnya boleh dimanfaatkan kepada rakyat Malaysia. Justeru, minat kepada tulisan ini lebih-lebih lagi dalam kalangan pelajar sekolah rendah perlu dipertingkatkan bagi membentuk asas yang kukuh. Kesedaran dan sikap positif ibu bapa terhadap penguasaan Jawi juga perlu dipupuk bagi mempengaruhi anak-anak dalam memahami kepentingan tulisan Jawi. Pernyataan ini disokong oleh Norizan & Nor Azan (2013) yang menyatakan dalam kajian Ismail (2001) pembelajaran menulis Jawi perlu bermula pada peringkat awal umur dengan cara dan kaedah yang betul. Dengan terbentuknya kesedaran minat dalam diri pelajar sudah pasti akan terlaksana matlamat dan usaha yang berterusan mampu mengekalkan momentum untuk memperkasakan Jawi dalam masyarakat kini.

KESEDARAN DAN CAKNA CELIK JAWI DI KALANGAN IBU BAPA

Kajian terdahulu yang dijalankan oleh Zulkifli Hamid et al. (2011) menyatakan penglibatan ibu bapa kepada pelajaran anak-anak memberi impak yang positif dan penting dalam proses perkembangan anak-anak dan juga remaja. Hal yang demikian menjelaskan bahawa kesedaran untuk menguasai pelajaran Jawi juga dipengaruhi oleh penglibatan ibu bapa dalam mencorakkan pemikiran pelajar. Penglibatan ibu bapa atau penjaga dalam pembelajaran anak-anak, prihatin terhadap prestasi akademik dan menunjukkan komitmen juga dedikasi dalam pembelajaran anak-anak dengan memanfaatkan waktu perjumpaan ibu bapa dan guru mampu meningkatkan pemahaman prestasi pelajar dengan lebih baik. Pembudayaan perbincangan mengenai perkembangan anak-anak antara ibu bapa dan guru harus disertakan dengan kepentingan penguasaan Jawi bagi menggalakkan kesedaran mengenai tulisan Jawi untuk terus bugar berkenaan khazanah budaya negara ini.

Ibu bapa juga boleh terlibat dengan kaedah pemantauan secara susulan dan berkala dengan guru mata pelajaran anak-anak mereka untuk mengenal pasti masalah, kekangan yang dihadapi oleh anak mereka bagi mencari penyelesaian secara optimum (Clinton & Hattie, 2013). Sekiranya anak mereka kurang memberangsangkan dalam mana-mana matapelajaran tersebut khususnya penguasaan Jawi, ibu bapa digalakkan untuk menghubungi guru dan berbincang mencari solusi yang terbaik bagi merangka intervensi

untuk meningkatkan keupayaan pelajar dengan lebih berkesan. Secara tidak langsung, permuafakatan ini juga akan mengeratkan hubungan guru dan ibu bapa yang akan menunjukkan komitmen mereka terhadap pendidikan anak mereka.

Kajian daripada Hornby & Lafaele (2011), penglibatan ibu bapa merupakan elemen penting dalam penguasaan pendidikan yang cemerlang dan juga boleh tercapai melalui penglibatan ibu bapa bersama anak-anak ketika di rumah seperti berkomunikasi, mendengar ketika mereka sedang membaca, membantu mereka menyelesaikan kerja rumah, dan juga aktiviti yang berasaskan sekolah seperti menghadiri mesyuarat ibu bapa dan guru dan bengkel pendidikan. Menurut Labahn (1995), ibu bapa seharusnya terlibat menyokong dalam aktiviti kokurikulum anak-anak mereka. Penglibatan ibu bapa bersama anak-anak mampu meningkatkan pencapaian dan perkembangan psikomotor, kognitif dan sebagai motivasi kepada mereka. Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian ini juga dapat diinterpretasikan bahawa penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mampu mempengaruhi penguasaan pelajaran khususnya kemahiran Jawi pelajar secara optimum.

Selain daripada itu, ibu bapa yang terlibat dalam pendidikan anak-anak juga mampu membentuk pelajar lebih aktif dan bersedia untuk belajar, lebih berdisiplin, menepati masa dari usia kecil dan akan lebih gigih untuk berusaha. Sifat kebertanggungjawaban lahir daripada didikan ibu bapa yang cakna akan menjadi sebahagian daripada sifat yang dibentuk secara semulajadi. Pelajar akan melazimi untuk merancang lebih awal dan melakukan pekerjaan mereka mengikut jadual yang menunjukkan kualiti menjadi seorang yang teratur (Sapungan & Sapungan, 2014). Oleh yang demikian, motivasi pelajar dapat dirangsang daripada kesedaran sikap ibu bapa yang positif dan cakna terhadap keutamaan mempelajari Jawi. Walaupun pelajaran Jawi ini bukan merupakan subjek yang mempunyai prioriti atau subjek peperiksaan umum tetapi atas sikap ibu bapa yang bersungguh mampu menggalakkan semangat pelajar untuk menguasai dengan baik dan memupuk minat untuk mengekalkan warisan seni ini dari pupus ditelan zaman.

Minat pelajar dengan sesuatu perkara mempunyai pengaruh yang positif terhadap hasil atau proses pencapaian dan penguasaan pelajar. Apabila suatu subjek yang dipelajari tidak sesuai atau tidak menarik minat dengan pelajar, maka pelajar tersebut akan mempunyai sikap yang negatif terhadap subjek yang tidak diminati. Secara tidak langsung hasil dan pencapaian ke atas subjek tersebut tidak memuaskan. Namun, sebaliknya berlaku kepada subjek atau

perkara yang menarik minat pelajar lebih mudah dilestarikan kerana minat akan memberi dorongan untuk pelajar menambah aktiviti pada tahap yang memberangsangkan. Kajian terdahulu dapatan dari Low Kai Lin (2017) selaras menyokong kajian Zulkifli (2011) menjelaskan terdapat hubungan yang signifikan tinggi antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik dari segi komunikasi, penjagaan dan perbincangan dalam merangsang minat dan membentuk sistem kepercayaan pelajar untuk melakukan suatu tugas dengan penuh kesungguhan. Justeru, minat perlu dipupuk dalam melestarikan pelajaran Jawi dalam diri individu terutamanya dikalangan pelajar sekolah rendah. Penglibatan ibu bapa dalam memberi ransangan motivasi anak-anak juga memainkan peranan dalam usaha pemerkasaan tulisan Jawi sebagai seni warisan bangsa.

KESIMPULAN

Ibu bapa merupakan entiti penting dalam merangsang minat anak-anak ke arah penguasaan sesuatu ilmu dan pembelajaran. Jika dahulu generasi ibu bapa kepada anak-anak masa kini telah menggunakan tulisan Jawi sebagai kaedah mendapatkan maklumat dan informasi menerusi pembacaan, seharusnya mempunyai rasa cinta untuk tulisan Jawi ini dikekalkan malah diperkenalkan kepada generasi yang baru. Walaupun kini tulisan Jawi ini tidak lagi diaplikasikan secara total dalam penulisan masyarakat Melayu, tetapi usaha yang diambil untuk memastikan kegemilangan tulisan Jawi haruslah terus dilakukan. Usaha kepada pembedaan tulisan Jawi perlu giat dijalankan dengan memupuk minat kepada penggunaan tulisan Jawi seawal pelajar sekolah rendah lagi.

Berkemungkinan juga ada segelintir berpendapat yang mengatakan tulisan Jawi tidak penting dan berpuas hati dengan penguasaan generasi sekarang. Namun, pihak terbabit tidak boleh memandang isu ini sebagai tidak penting kerana penawar yang mujarab adalah hasil rawatan awal setiap permasalahan. Oleh itu, perancangan yang holistik perlu dilakukan dalam supaya keadaan generasi yang kabur Jawi boleh diasah lagi seterusnya menjadi semakin baik membentuk generasi celik Jawi. Oleh itu, para pendidik terutamanya di sekolah rendah perlu merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai bagi menarik minat pelajar terhadap Jawi. Ibu bapa juga perlu diberi kefahaman dan pengetahuan berkaitan dengan kepentingan memelihara warisan tulisan Jawi ini supaya inisiatif ibu bapa untuk terus memberi ransangan kepada anak-anak itu minat kepada tulisan Jawi.

Faktor minat yang mendalam terhadap sesuatu perkara boleh membentuk dan memupuk suatu motivasi kepada individu untuk kekal dalam sesuatu aktiviti dan tugas yang dilaksanakan. Dengan rangsangan luar yang positif seperti penglibatan ibu bapa yang merupakan ikatan rapat individu juga mampu memperkukuhkan penekanan terhadap penguasaan Jawi dengan lebih baik. Justeru, kefahaman terhadap tulisan Jawi perlu jelas kepada semua pihak. Minat yang dipupuk hendaklah sentiasa diberi suntikan oleh ibu bapa yang cakna dengan seni warisan ini. Pemerkasaan tulisan Jawi tidak akan Berjaya tanpa komitmen dan sokongan daripada ibu bapa. Oleh itu, kajian ini dapat membuka mata dan sedikit sebanyak memberikan kefahaman tentang kepentingan menjaga warisan Melayu iaitu tulisan Jawi supaya tidak pupus untuk dikenali oleh generasi yang akan datang.

RUJUKAN

- Abd. Halim Mohamad & Wan Mohamad Wan Sulong. 2003. *Antara Minat Dan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Arab: Satu Kajian Ke atas Pelajar Baccelor Bahasa Arab Di IPTA Malaysia*. Wacana Pendidikan Islam (Siri 5). Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Adi Yasan, A. A., Mohd Zin, M. Z., Hashim, M., Halimah, H., Mohd Sharifudin, Y., Syed Nurulakla, S. A., Nurhidayah J., A. Asmadi Sakat, M. Roslan Mohd Nor. 2012. The Jawi writing system and vocabulary of the earliest legal Malay inscription and manuscripts. *Journal of Applied Sciences Research*, 8 (7): 3225-3234.
- Ahmad Faisal A.H & Faizuri A.L. 2014. Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi: Analisis Mengenai Teori Kang Kyoung Seok. *Jurnal al-Tamaddun*. 9(2): 1-15.
- Asyraf Ridwan Ali & Berhanundin Abdullah. 2015. Falsafah Pendidikan Jawi dalam memperkasakan tamadun Islam di Malaysia. *Proceedings of ICIC2015-International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*. Malaysia: Universiti Sultan Zainal Abidin, 6-7 September 2015.
- Clinton, J. & Hattie, J. 2013. New Zealand students' perceptions of parental involvement in learning and schooling. *Asia Pacific journal of Education*, 33(3): 324-337.
- Dicken Kilue & Tajul Arifin. 2017. Cabaran Pengajaran Subjek Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*. 2(2): 53-56.
- Faisal & Niswa. 2009. Penguasaan Tulisan Jawi Di Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam: Kajian Di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Tempatan. *Jurnal al-Tamaddun*. 4: 145-156.
- Garcia, L. E., & Thornton, O. 2014. The enduring importance of parent involvement. NEA Today.

- Hanita M.Y & Norzaini A. 2018. Pencapaian Akademik Murid Lelaki dan Perempuan: Peranan Sokongan Pembelajaran dan Keterlibatan Murid. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*. 15(2): 257-287.
- Hashim Musa & Adi Yasran Abdul Aziz. 2009. Pemerkasaan kembali tulisan Jawi. *Jurnal Aswara*. 4(1): 159-176.
- Hazlan Atan. 2019. Tahap Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Guru Mengajar Jawi Sekolah Rendah Daerah Klang. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hidi, S & Renninger K.N. 2006. The four-Phase Model of Interest Development. *Journal of Educational Psychologist*. 41(2): 111-127
- Hornby, G. & Lafaele, R. 2011. Barriers to parental involvement in education: an explanatory model. *Educational Review*. 63(1):37-52.
- Kamaruddin Husin (2010) *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Selangor: Penerbit Sarjana (M) Sdn Bhd.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Alwee, Y. 2005. Perkembangan Tulisan Jawi dan Aplikasinya Dalam Masyarakat Islam di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*. 21: 23-28.
- Muhammad Abdullah S., Asma B. & Zamri A. 2015. Hubungan Antara Kecenderungan Minat Pelajar Dalam Bahasa Arab Dengan Kualiti Diri Guru Bahasa Arab Mrs Ulul Albab, Kota Putra. *Journal of Human Capital Development*. 8(2): 49-59.
- Naquiah Nahar & Jimain Safar. 2016. Amalan Pengajaran Jawi dalam Pendidikan Masa Kini: Suatu Tinjauan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. 2(2): 70-85.
- Nik Rosila Nik Yaacob. 2007. Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan Islam*. 22: 161-172.
- Noor Asmina M.R, Shaharuddin M.S & Norah M.N. 2019. Development of Jawi Spelling Skills Applications, 'Oh Jawiku'. *iJIM*. 13(7).
- Noor Erma A.& Leong K. 2014. Hubungan Antara Sikap, Minat Pengajaran Guru dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 2(1): 1-10.
- Noraini Omar. 2008. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan IPTAR* 2008.
- Norizan Mat Diah & Nor Azan Mat Zin. 2013. Kaedah pengajaran dan pembelajaran asas Jawi bagi kanak-kanak prasekolah. *ESTEEM Academic Journal*. 9(2): 28-38.
- Nur Syamira Abd Wahab, Maimun Aqsha Abidin Lubis & Aisyah Sjahrony. 2016. Aplikasi permainan bahasa bermultimedia ke arah memacu peningkatan kefahaman al-Quran dan Jawi. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*. 1(1): 1-12.
- Omardin Ashaari. 1996. *Kaedah Pengajaran Sejarah Buku Panduan Guru Reka Cipta Sekolah Menengah Atas Tingkatan 4 dan 5*. Kuala Lumpur: Utusan. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- R. Shanti, M. Mahendram & K. Gunasegaran. 2019. Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Tamil di Selangor. *Muallim Journal of Social Science and Humanities* 3(3): 308-323.
- Rozumah Baharudin, Siti Nor Yaacob, Rojanah Kahar, Abdullah al-Hadi, Hanina Halimatussadiah Hamsan. 2003. *Keluarga dan penyesuaian tingkah laku kanakkanak*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. 1983. *Psikologi Pendidikan Dalam Perspektif Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Badriyah Mohd Yusof & Exzayrani Sulaiman. 2015. Sikap Generasi Muda Terhadap Tulisan Jawi: Kajian Kes Pelajar Universiti Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*. 15: 8-16.
- Siti Zaharah Mohid, Roslinda Ramli, Fitri Nurul Ain Nordin & Hafiza Abas. 2018. Teknologi Realiti Luasan (AR) dalam Pengajaran Jawi Abad 21. *Proceeding of IC-ITS 4th International Conference on Information Technology & Society October 30th-31st, 2018, Selangor, MALAYSIA*.
- Tan, E. T., & Goldberg, W. A. 2009. Parental school involvement in relation to children's grades and adaption to school. *Journal of Applied Development Psychology*. 30(4): 442 – 45.
- Wan Mardziyah Wan Hasbullah. 2005. Harapan pelajar terhadap penglibatan ibubapa di sekolah untuk pencapaian akademik. Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Zulkifli A.H, Jamilah Othman, Aminah Ahmad & Ismi Arif. 2011. Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 3(2): 31-40.

Mohd Eezan Hamdzah* & Shahlan Surat
Jabatan Inovasi Pengajaran Pembelajaran, Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: eezanhamdzah@gmail.com

Diserahkan: 2 November 2020

Diterima: 3 November 2020